



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 12, 14, 17 & 18
WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93202 KUCHING
SARAWAK.

Telefon : 082-313545
Fax : 082-441676
Laman Web: <http://sfs.sarawak.gov.my>

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: SFS/900/3/1/1(3)
Tarikh: 12 Jun 2026

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK BIL. 7/2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Residen Bahagian

Semua Badan Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

HAD KUASA PELUPUSAN ASET KERAJAAN NEGERI

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan pindaan had kuasa pelupusan aset Kerajaan Negeri yang hendaklah dipatuhi oleh semua agensi Kerajaan Negeri Sarawak.
- 1.2 Surat Pekeliling ini juga hendaklah dibaca bersama-sama dengan pekeling pengurusan aset Kerajaan Negeri yang masih berkuat kuasa.
- 1.3 Bagi Badan Berkanun Negeri, pemakaian Surat Pekeliling ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah *Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedures) Ordinance, 1995*.
- 1.4 Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, pemakaian Surat Pekeliling ini hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah *The Local Authorities Financial Regulation 1997*.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Had kuasa pelupusan aset Kerajaan Negeri yang sedang berkuat kuasa pada masa ini adalah berpandukan kepada *Pekeliling PKP Bil. 1 Tahun 1996: Arahan Mengenai Penyimpanan dan Pelupusan Rekod Perakaunan dan Perkara-Perkara Berkaitan* bertarikh 26 Februari 1996, serta pekeliling-pekeliling berkaitan pengurusan aset Kerajaan Negeri yang masih berkuat kuasa.
- 2.2 Walau bagaimanapun, nilai dan struktur had kuasa yang dinyatakan dalam pekeliling terdahulu tidak lagi selaras sepenuhnya dengan keperluan serta amalan pentadbiran semasa, khususnya disebabkan oleh perbezaan struktur organisasi dan tahap tanggungjawab antara Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 2.3 Perbezaan had kuasa kelulusan pelupusan aset antara Pegawai Pengawal agensi telah mengakibatkan ketidakseragaman dalam pelaksanaan proses pelupusan aset, menjejaskan kecekapan proses kelulusan serta meningkatkan beban pentadbiran yang tidak perlu.
- 2.4 Sehubungan itu, penyeragaman had kuasa pelupusan aset Kerajaan Negeri perlu dilaksanakan bagi memperkemas proses kelulusan, meningkatkan kecekapan pengurusan aset dan memperkukuh tadbir urus di peringkat agensi.

3. TAKRIFAN

- 3.1 Bagi tujuan Surat Pekeliling ini, takrif "**Agensi**" merujuk kepada Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3.2 Bagi tujuan pekeliling ini, takrifan "**Pegawai Pengawal**" adalah seperti berikut:
 - (a) Bagi **Kementerian/Jabatan**, Pegawai Pengawal adalah seperti yang ditakrifkan dalam Arahan Perbendaharaan 3 (AP3).
 - (b) Bagi **Badan Berkanun Negeri**, Pegawai Pengawal bermaksud Ketua Pegawai Eksekutif sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2(1) *Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedures) Ordinance, 1995*.

- (c) Bagi **Pihak Berkuasa Tempatan**, Pegawai Pengawal bermaksud Setiausaha sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Peraturan 2 *The Local Authorities Financial Regulations 1997*.

4. PINDAAN HAD KUASA PELUPUSAN ASET KERAJAAN NEGERI

- 4.1 Selaras dengan usaha penambahbaikan pengurusan aset Kerajaan Negeri, had kuasa kelulusan pelupusan aset dipinda seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Pindaan Had Kuasa Kelulusan Pelupusan Aset Kerajaan Negeri

BIL.	AGENSI	KELULUSAN PELUPUSAN PEGAWAI PENGAWAL	
		HAD KUASA SEDIA ADA	HAD KUASA BAHARU
1	Kementerian dan Jabatan	Nilai perolehan satu aset tidak melebihi RM20,000.00 atau jumlah keseluruhan dalam satu tahun tidak melebihi RM300,000.00 .	Pegawai Pengawal meluluskan pelupusan aset dengan nilai perolehan satu aset tidak melebihi RM50,000.00 atau jumlah keseluruhan dalam satu tahun tidak melebihi RM500,000.00 yang melibatkan Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri, permohonan pelupusan yang melebihi had tersebut hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, permohonan pelupusan yang melebihi had tersebut hendaklah dikemukakan kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk kelulusan.
2	Badan Berkanun Negeri	Nilai perolehan satu aset tidak melebihi RM10,000.00 atau jumlah keseluruhan dalam satu tahun tidak melebihi RM100,000.00 .	
3	Pihak Berkuasa Tempatan	Nilai perolehan satu aset tidak melebihi RM20,000.00 atau jumlah keseluruhan dalam satu tahun tidak melebihi RM300,000.00 selaras dengan surat arahan daripada Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan rujukan MLGH/AUD/20 JLD.4 (2) bertarikh 10 Oktober 2023.	

5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL DAN PENGURUS ASET

- 5.1 Pegawai Pengawal dan Pengurus Aset hendaklah memastikan pelupusan aset Kerajaan Negeri dilaksanakan mengikut peraturan serta had kuasa yang ditetapkan. Sebelum sesuatu permohonan pelupusan diluluskan oleh Pegawai Pengawal, nilai perolehan asal aset hendaklah disemak dan disahkan berdasarkan rekod aset yang sah bagi memastikan pematuhan terhadap had kuasa yang ditetapkan.
- 5.2 Pengurus Aset juga bertanggungjawab memastikan permohonan pelupusan aset Kerajaan Negeri adalah lengkap, menyelenggara rekod pelupusan dan memantau pelaksanaan proses pelupusan bagi memastikan tadbir urus aset Kerajaan Negeri yang telus dan berintegriti serta memastikan semua dokumen sokongan berkaitan pelupusan disimpan dan dikemas kini dengan teratur untuk tujuan audit dan pemantauan.
- 5.3 Semua syor dan keputusan berkaitan pelupusan aset hendaklah dibincangkan serta direkodkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) agensi masing-masing.
- 5.4 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa pelupusan aset tidak dipecah kecil kepada beberapa permohonan bagi tujuan mengelakkan had kuasa kelulusan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini.

6. PENGUATKUASAAN

- 6.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan.
- 6.2 Surat Pekeliling ini juga terpakai kepada semua Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 6.3 Sebarang pengecualian daripada peruntukan dalam Surat Pekeliling ini hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

7. PEMBATALAN


7.1 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, peruntukan berkaitan had kuasa pelupusan yang dinyatakan dalam dokumen berikut adalah dimansuhkan:

- (a) Pekeliling PKP 1/96: Arahan Mengenai Penyimpanan dan Pelupusan Rekod Perakaunan dan Perkara-Perkara Berkaitan bertarikh 26 Februari 1996 (Lampiran A, nombor 3).
- (b) Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 6/2023: Tatacara Pengurusan Aset Alih bertarikh 27 Mac 2023 (Bab 7.3).
- (c) Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 7/2023: Tatacara Pengurusan Stor bertarikh 27 Mac 2023 (Bab 9.3).
- (d) Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 17/2026: Tatacara Pengurusan Aset Biologi bertarikh 3 November 2025 (Bab 7.3).

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



[DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR]
Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak

- s.k.: 1. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Sarawak
2. Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Sarawak
3. Pengarah Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak
4. Pengarah, Unit Integriti dan Ombudsman, Jabatan Premier Sarawak